

PERJUMPAAN DENGAN DATO' MUDA YAHYA
PADA 2hb.Ogos, 1959

Rombongan Warith-warith Linggi yang diketuai oleh YB. Dr. Mohd Said telah sampai ke rumah Dato' Muda Yahya pada hari Ahad 2hb. Ogos, 1959 jam 10.30 pagi. Rombongan ini membawa cogan-cogan kata yang menidakkan 'Adat berperut-perut di Linggi.

Di rumah Dato' Muda Yahya telah sedia menunggu dan kebetulan mereka sedang melantik Muhammad bin Pok sebagai Dato' Penglama Besar.

- I. Dr. Mohd Said menerangkan tujuan kedatangan rombongan warith-warith. Beliau telah menerangkan serba ringkas kedatangan Dato' Awal ka Teluk Ketapang dan ke Linggi.
2. Beliau meminta supaya tiap-tiap orang menurut segala 'adat yang asal dan tidak menurut perasaan tamak dan kemegahan kerana menyandang pangkat.
3. Beliau meminta Dato' Muda Linggi menimbangkan dengan 'adil - tujuan warith-warith ialah hendak membawa Dato' Muda kejalan yang sebenarnya bukan hendak men-derhaka kepada Dato' Muda. Warith-warith tidak ber-setuju dan tidak menerima cara-cara mengeluarkan mereka-mereka yang hak - semua ini adalah zalim dan melanggar tata susila yang dibuta oleh Dato' Awal.

Beliau sekali lagi mengulangi agar Dato' Muda menim-bangkan dengan 'adil dan bukanlah tujuan beliau hendak menunjukkan kuasa beliau sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan.

Menurut Dr. Mohammad Said yang mula-mula menjadi Dato' Muda ialah Dato' Lebai Dolman cucu Dato' Serilah kemu-dian berpindah kepada Jeragan Abdul Rahman menantunya (anak Tok Awal).

4. Dr. Mohd. Said telah membacakan surat Dato' Bandar Haji Ahmad kepada Tuan C.W.H. Kokrin telah dibacakan (berkenaan adat Linggi).
5. Dr. Mohammad Said menegaskan sifatnya hendakkan kebe-naran dan hak - hendak memulihkan semula rasa musykil warith-warith Linggi. Sekarang beliau menjadi Wakil Rakyat dan menjalankan satu-satu kehendak rakyat.

Itulah maksud kedatangan rombongan ini dan mintalah satu penawar yang bolih memulihkan semula rasa ketapi dan rasa curiga. Dato' Muda kalau tidak boleh menye-lesaikan kekusutan tidak layak menjadi Dato' Muda.

6. Encik Lokman Yusof meminta agar Dato' Muda menerang-kan samada beliau menerima atau tidak keterangan Dr. Said itu atau ada hujjah lain.

7. Dato^o Muda Yahya telah menyatakan bahawa keterangan warith-warith yang sekarang diakui oleh Kerajaan ada padanya. Beliau bersetuju jika semua warith-warith yang ada dalam keterangannya (Salasilahnya) itu bersetuju.
8. Dr. Said telah menyangkal salasilah berperut-perut itu yang mana menurut beliau adalah palsu dan adalah seperti berpegang kepada kayu lapok.
9. Dato^o Muda berpegang kokoh kepada kata-katanya kalau bersetuju warith beliau bersetuju.
10. Bujang bin Abu (abang Dato^o Muda Yahya) menerangkan bahawa warith yang ada pada Dato^o Muda itu adalah diakui oleh Dato^o Kelana (disampuk oleh Panglima Perang Abdul Samad - kalau semua Linggi menyerah).
- II. Bujang bin Muhammad mengatakan yang kita ini berpuak-puak - mengikut Dato^o Kelana dan mengikut Dato^o Nenek Moyang.
- Bujang bin Abu membenarkan kata itu.
- Bujang bin Muhammad menerangkan sebab itulah kita hendak buat balek, tujuannya hendak mengembalikan Adat Muafakat dan Kebulatan. Dimana datang kebulatan setelah 21 tahun ? Buatan itu bukanlah yang benar-kita mesti mengambil tauladan yang benar - jangan ikut yang salah. Kita hendak betulkan balik kemerdekaan Linggi - tak ada berperut-perut - kalau ada berperut-perut apa sukunya seperti adat perpateh?
12. Bujang bin Abu - sekarang ini kita mengikut perut - kehendak tuan-tuan supaya kita membuang perut-perut, saya sebagai wakil warith kalau tentang hendak membuang perut-perut kami tidak bersetuju. Perut tuan-tuan tidak diakui - warith juga tidak menyandang - syaratnya kalau diberi, boleh. Saya memang terkeluar besok kalau dibuang perut-perut - yang saya ikut datangnya daripada perut perempuan.
13. Kalau begitu daripada Dato^o Muda Hassan ke atas tidak ada Adat ? tanya Dr. Said.
14. Bujang bin Abu - saya mengikut kalau warith bersetuju - asal keturunan itu warith saya tak tahu.
15. Dr. Siad meminta penjelasan mengenai perut-perut yang dipaksa sekarang ini keturunan siapa dan betina yang mana ?
16. Bujang bin Abu menjawab yang beliau tidak tahu.

- I7. Bujang Muhammad - menerangkan yang bukanlah maksud hendak membuang warith tetapi hendak mengumpulkan semua warith - semuanya menjadi warith.
- I8. Dr. Muhammad Said mengulang agar jangan meninggalkan perkara yang benar, sedangkan Bujang bin Abu (Ahmad bin Abu) berterus terang menidakkan perkara yang benar.
- Bujang Muhammad mencadangkan agar warith Dato' Muda mengadakan perjumpaan dengan Jawatan Kuasa yang sudah dilantik.
- Bujang bin Abu bersetuju.
- Dr. Said memberi amaran sakiranya Dato' Muda bertegang beliau akan mengadakan satu suruhanjaya menyiasat perkara Warith Linggi dari pihak Dato' Muda dan Warith Linggi.
- Dato' Laksamana Abdul Kuddus telah menyatakan bahawa beliau tidak tahu berkenaan dengan perut-perut melainkan selepas Dato' Muda Hassan. Sebab itulah jawatan Dato' Muda Linggi terbenam beberapa lama. Barangkali Dato' Muda Hassan mengatitkan menurut perutnya - dahulu tak ada perut-perut. Beberapa orang hendak menjadi Dato' tidak ada kebulatan. Saya tidak menyokong soal perut - kalau ikut perut perut semakin lama semakin tirus - biar laki-laki sahaja putus. Saya tengok jalan perut itu saya dapat orang yang macam tikus pun hendak jadi Dato' - hanya kerana tamak sahaja tetapi tidak layak. Saya tak setuju berperut-perut, baleklah kita kepada jalan yang benar.
- I9. Dr. Said menerangkan hanya dua perut sahaja yang tak setuju - dua Dato' bersetuju. Beliau akan menahan pencen warith dan akan dibahagikan melalui mukim mengikut hukum syarak.
- Bujang bin Abu menyatakan yang beliau akan mengumpulkan warith-warith untuk memberitahu dan menerangkan hal tersebut.
20. Hj. Ahmad mencelah sekarang bermaknalah pihak Dato' Muda Yahya akan berunding dahulu dengan warith-warithnya - dan adakah perlantikan Dato' Besar Muhammad bin Pok itu sah?
21. Lokman: Dr. Said sudah menerangkan perlantikan mengikut perut-perut itu tidak sah.
22. Dr. Said menerangkan kalau beliau hendak mengambil tindakan Dato' Muda Syed Ahmad dan Dato' Besar sudah habis lingkup. Beliau meminta agar dicari jalan yang benar dan lembut cara muafakat. Dr. Said kemudian membacakan surat pencen Dato' Muda Hassan 31.5.32.

Beliau menyatakan ikrarnya akan melawan sehingga habis-habisan walau pun beliau jatuh daripada M.B., beliau redza.

Persetujuan telah dicapai bahawa perundingan kali kedua akan diadakan pada pangkal bulan sembilan minggu yang pertama. Kalau tidak ada apa-apa keputusan pihak Dr. Said akan membuat apa yang difikirkan patut.


Perjumpaan ditangguhkan pada jam 12.15 tengah hari.



Tan Sri Dato' Dr.Mohd Said berserta rombongan dirumah Y.M. Dato' Muda Haji Yahya bin Abu pada hari Ahad 2hb.Ogos,1959 jam 10.30 pagi.


Pengenalan dari kiri:

Tan Sri Dato' Dr.Mohd Said, Y.M. Dato' Muda Haji Yahya bin Abu, dan Tan Sri Lokman bin Yusof (bekas Dato' Bandar Kuala Lumpur).



Kelihatan dalam gambar:

Nombor dua dari kanan ialah Mohd Som bin Harun Setiausaha Jawa-kuasa bertindak yang dibentuk pada pagi 2hb.Ogos,1959 bertempat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggris Linggi sebelum bertolak kerumah Dato' Muda Haji Yahya. Nombor 4 ialah Penghulu Mohd Attas AJK nya dan juga sebagai Pemangku Setiausaha yang menghantar bantahan kepada kebawah D.Y.M.M. Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan dan Undang Yang Empat minta dimansokhkan Perlantikan Dato' Muda Haji Yahya bin Abu.



Sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan dan sebagai Wakil Rakyat Kawasan Linggi pada hari Ahad 2hb. Ogos, 1959 jam 10.15 pagi Tan Sri Dato' Dr. Mohd Said Mengetuai satu perarakan yang disokong oleh orang-orang Linggi yang menentang 'adat berperut-perut membantah perlantikan Dato' Penglima Besar Muhammad bin Pok oleh Y.M. Dato' Muda Haji Yahya bin Abu (Dato' Muda Linggi yang Ke-7 yang disahkan perlantikannya oleh Dato' Kelana Putra mengikut Warisan Perut)



Penyokong-penyokong Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Said dengan sepanduk-sepanduknya.

